



**PLAN**Malaysia  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN NGA KOR MING**  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

## **SEMPENA**

**SAMBUTAN HARI KEBAHAGIAAN SEDUNIA PERINGKAT  
KEBANGSAAN TAHUN 2024**

**“BAHAGIA BERSAMA MALAYSIA MADANI”**

**15 MAC 2024 (JUMAAT)**

**PLAN**Malaysia

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis.

**YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu**

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin**

EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Melaka

**YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib**

Ketua Setiausaha KPCT

**YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan)

**YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti)

**YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekutaran Mampan)

**YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli**

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa

**Ketua-Ketua Pengarah, Datuk-Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan, Setiausaha Bahagian Kementerian, Wakil-wakil Jabatan**

**Serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia  
MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak PLANMalaysia di atas penganjuran majlis pada petang ini. Terima kasih juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang dapat meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan program Sambutan Hari Kebahagiaan Malaysia Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2024 ini. Majlis pada petang ini agak singkat dan sederhana namun ia adalah sangat bermakna bagi kita semua.

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

## **SAMBUTAN HARI KEBAHAGIAAN SEDUNIA**

2. **Sambutan *International Day of Happiness* atau hari Kebahagiaan Sedunia** bermula apabila kesemua 193 ahli negara anggota Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah meluluskan **resolusi *Happiness: Towards a Holistic Definition of Development*** pada **12 Julai 2012**.

3. **Bermula tahun 2013, sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia telah diraikan setiap tahun pada 20 Mac di seluruh dunia sebagai pengiktirafan kepada hubung kait di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat.**
4. Di Malaysia, Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan telah mula disambut secara rasmi pada tahun 2015, dan tahun ini merupakan **tahun ke-10** kita menyambutnya.
5. Tema sambutan Hari Kebahagiaan Peringkat Kebangsaan pada tahun ini adalah **BAHAGIA BERSAMA MALAYSIA MADANI**. Tema ini adalah selaras dengan dasar kepimpinan negara yang diterajui oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dilancarkan pada Januari tahun 2023, yang memberi fokus kepada **kesejahteraan rakyat, keharmonian masyarakat majmuk, pembangunan mampan dan tadbir urus baik.**
6. Negara kita sedang berdepan dengan pelbagai cabaran pasca-pandemik, bencana alam, geopolitik dan ekonomi yang stabil. Walaupun keadaan ekonomi masih belum pulih sepenuhnya, **Kerajaan Malaysia MADANI akan terus**

**komited menjalankan usaha-usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kesejahteraan penduduk dan kebahagiaan negara melalui pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada rakyat.**

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

## **KEBAHAGIAAN DAN PENGUKURAN DI PERINGKAT DUNIA**

7. Menurut Laporan Kebahagiaan Sedunia 2023 (*World Happiness Report 2023* (WHR 2023), Finland menduduki tempat pertama dalam tempoh enam tahun berturut-turut. daripada 137 negara anggota Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang telah dinilai.
8. Pada tahun 2023, Malaysia berada di tangga **ke-55 paling bahagia di dunia** dengan skor indeks 6.012. Kedudukan ini **menunjukkan peningkatan 15 tangga** berbanding tahun sebelumnya di mana Malaysia berada di kedudukan **ke-70 paling bahagia pada tahun 2022, dan ke-81 pada tahun 2021**. Di peringkat Asia Tenggara pula, Malaysia telah disenaraikan sebagai negara kedua paling bahagia selepas Singapura dan tangga ke-9 di peringkat Asia.

9. Walau bagaimanapun, saya difahamkan *World Happiness Report* bagi tahun 2024 akan dikeluarkan pada 20 Mac ini. Oleh itu, bersama-sama lah kita mengharapkan keputusan yang terbaik bagi pencapaian Malaysia pada tahun ini.
  
10. Bagi laporan “*Mental State of the World*” (di bawah kendalian *Global Mind Project by Sapien Labs* yang beribu pejabat di *Washington DC*), yang memberi fokus kepada **parameter kesihatan mental** yang dikeluarkan pada 4 Mac 2024 yang lalu, Malaysia telah disenaraikan sebagai **negara ke-5 paling gembira di dunia daripada 71 negara** yang dinilai. Pencapaian ini menunjukkan **peningkatan 2.9%** berbanding dengan tahun 2023.

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

## **KEBAHAGIAAN DAN PENGUKURAN DI PERINGKAT NEGARA**

11. Di Malaysia, pengukuran indeks kebahagiaan bandar dilaksanakan bermula pada tahun 2015, melalui **sistem MURNInets**. Kriteria pengukurannya adalah selaras dengan pengukuran kebahagiaan di peringkat dunia yang memberi fokus kepada aspek-aspek seperti **tahap tekanan hidup, tahap kesihatan, hubungan kekeluargaan serta**

**kepuasan terhadap kemudahan dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh pemimpin setempat.**

12. Pada tahun ini, Indeks Kebahagiaan Malaysia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5.7 mata dari 5 tahun sebelum ini, iaitu daripada **81.24% pada tahun 2019 kepada 86.94% pada tahun 2024.**
13. Ini menunjukkan kesejahteraan rakyat negara kita terpelihara melalui perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga penyediaan kemudahan yang menyumbang kepada persekitaran kehidupan yang selesa dan kondusif.
14. Saya difahamkan bagi pengukuran Indeks Kebahagiaan pada tahun 2024, sebanyak **144 PBT** telah menyertai kaji selidik indeks di mana **71% telah mencapai tahap bahagia, dan 29% mencapai tahap sederhana bahagia.**
15. Oleh itu, pada hari ini juga saya akan umumkan **10 bandar paling bahagia** iaitu bandar yang mendapat **indeks kebahagiaan paling tinggi** dan **5 bandar** yang menerima **apresiasi khas** berdasarkan kategori yang ditetapkan bagi tahun 2024. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada

PBT – PBT yang akan menerima anugerah sebentar lagi atas komitmen dan usaha berterusan yang diberikan.

16. Besar harapan saya agar ini menjadi lonjakan semangat bagi seluruh PBT di Malaysia untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat di kawasan pentadbiran masing-masing.

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

### **LAPORAN KEBAHAGIAAN MALAYSIA**

17. Bersempena dengan sambutan Hari Kebahagiaan di Malaysia pada hari ini, suka saya umumkan bahawa PLANMalaysia juga telah menyediakan Laporan Kebahagiaan Malaysia yang melaporkan tahap kebahagiaan bagi setiap negeri dan PBT bagi kesemua 14 bidang yang diukur.
18. Data-data ini boleh dijadikan panduan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri dan PBT untuk membuat perancangan dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan kebahagiaan penduduk di kawasan masing-masing.

## **FOKUS KPKT (TAHUN 2024)**

19. Selaras dengan agenda kemampunan dan kebahagiaan komuniti dan bandar di peringkat nasional dan global, KPKT termasuk agensi-agensi di bawahnya akan terus mempergiatkan inisiatif dan ikhtiar yang mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui:
- a. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) KPKT;
  - b. Meningkatkan Program Penyelenggaraan Perumahan Berstrata;
  - c. Pelaksanaan Penarafan Bandar Pintar Malaysia;
  - d. Pelaksanaan Operasi Pembasmian Berterusan Tapak Pelupusan Sampah Haram;
  - e. Pelaksanaan Blueprint Ekonomi Kitaran;
  - f. Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan *One Stop Centre* (OSC) 3.0 Plus di PBT;
  - g. Pembinaan 100 taman rekreasi awam Madani seluruh negara;
  - h. Memperkuatkkan agenda bandar mampan kearah perbandaran baharu; dan
  - i. Memperkasakan peranan kerajaan tempatan dan membangunkan potensi PBT bagi menjana semula pendapatan negara.

20. KPKT melalui PLANMalaysia juga akan terus komited untuk melaksana dan merealisasikan **perancangan bandar dan desa yang seimbang, terangkum dan saksama**. Fokus akan diberikan kepada perancangan pembangunan yang **seimbang antara bandar dan luar bandar, golongan berpendapatan tinggi dan rendah, serta merangkumi semua peringkat usia, bangsa, agama, jantina** melalui penyediaan kerangka perundangan, rancangan pemajuan, garis panduan perancangan dan panduan pelaksanaan projek.

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

## **PENUTUP**

21. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas kepada YBhg. Datuk Wira KSU, YBrs. Dr KP PLANMalaysia dan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga PLANMalaysia atas penganjuran majlis pada petang ini, serta usaha berterusan dalam menerajui perancangan bandar dan desa di Malaysia.

**22. Selamat Menyambut Hari Kebahagiaan Sedunia 2024**  
saya ucapkan kepada seluruh rakyat Malaysia. **Saya dengan ini merasmikan ‘Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia 2024 peringkat Kebangsaan’.**

Sekian, terima kasih.

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
12 Mac 2024